



# INFO@MAFS

CUKUP DAN TERJAMIN

## MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU

16 JANUARI 2023 | WISMA TANI, PUTRAJAYA



Bertemakan "Kemampuan Sektor Agromakanan Negara Teras Mengemudi Cabaran Krisis Global". YB Menteri MAFS telah menyampaikan amanat beliau dengan menggariskan lima (5) hala tuju dan fokus utama yang berteraskan empat (4) dimensi Keterjaminan Makanan pada tahun 2023.

YB Menteri berharap agar hala tuju ini disokong oleh semua pihak termasuk golongan sasaran dan pemain industri serta menyeru kepada semua warga Kementerian agar meneruskan amalan kerja berintegriti, amanah dan cekap yang merupakan etika kerja yang sangat penting kepada pencapaian hasil kerja berkualiti tinggi.



Jagung Bijian Topik Utama Perbincangan Duta Besar Brazil Di Malaysia Dengan YB Menteri MAFS  
PUTRAJAYA, 17 JANUARI 2023



Kunjungan Hormat Oleh Duta Besar Iran Di Malaysia Ke Atas YB Menteri MAFS  
PUTRAJAYA, 19 JANUARI 2023



YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU  
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)  
BERSAMA PELADANG PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK) MADA B-IV, PENGKALAN KUNDUR  
TINDAAN BERKUALITI  
Lawatan Kerja Rasmi YB Menteri MAFS ke  
MADA  
KEDAH, 26 JANUARI 2023



### KIT BANTUAN BENCANA BANJIR DI KELANTAN

5 JANUARI 2023 | KELANTAN

YB Menteri telah menghadiri Majlis Penyerahan Kit Bantuan Banjir kepada kakitangan Jabatan/Agensi MAFS di Ibu Pejabat FAMA, RTC Tunjung, Kelantan.

Di majlis sama, Kelab MAFS turut menyampaikan sumbangan wang tunai kepada pegawai dan kakitangan Jabatan/Agensi yang terkesan bencana banjir.

Sumbangan diserahkan oleh Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Puan Habshah Ali merangkap Naib Presiden Kelab MAFS kepada YB Menteri untuk disampaikan kepada para penerima.

### LAWATAN KE LADANG TERNAKAN AYAM PEDAGING HS GEMILANG SDN BHD

19 JANUARI 2023 | PUTRAJAYA

YB Menteri MAFS telah membuat satu lawatan kerja ke Ladang Penternakan Ayam Pedaging HS Gemilang Sdn. Bhd. milik En. Mohd Muzamri bin Hj Soib yang terletak di Jalan Kebun, Seksyen 30, Shah Alam, Selangor.

En. Zamri telah terlibat dalam bidang penternakan selama 23 tahun. Menurut En. Zamri, beliau pernah mengalami kerugian sebanyak RM 120 ribu, namun menganggap ia hanyalah cabaran dalam bidang penternakan.

Pada tahun 2021, Ladang Penternakan Ayam Pedaging HS Gemilang Sdn Bhd milik En. Zamri telah memenangi Anugerah Inovasi Teknologi - penyerapan habuk dan bau.

### MALAYSIA DAN CHINA KOMITED PERKUKUH KERJASAMA DALAM BIDANG PERTANIAN

17 JANUARI 2023 | PUTRAJAYA

YB Menteri MAFS telah menerima kunjungan daripada Duta Besar Republik Rakyat China. Pertemuan antara dua negara ini bertujuan bagi membincangkan cadangan kerjasama dua hala dalam bidang pertanian. Antaranya, kerjasama dalam bidang pertanian moden dan penyelidikan pertanian.

Selain itu, China juga bersedia untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam polisi berkaitan pembasmian kemiskinan melalui program pertanian, mewujudkan pasaran komoditi dan rantaian nilai makanan yang mampan serta penggunaan pertanian pintar dalam pengeluaran bijirin.

# SESI DIALOG YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU, MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)

28 JANUARI 2023 | PUTRAJAYA

Sesi Dialog YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) bersama Peladang-Peladang Wilayah III, MADA Pendang bertempat di Awara Chalet, Tajar.

Dalam sesi tersebut, YB Menteri MAFS mendengar pandangan sambil membincangkan bersama peladang-peladang MADA mengenai hala tuju dan isu-isu semasa dalam sektor tanaman padi khususnya di Kawasan Muda.

Adalah menjadi keutamaan MADA untuk memudahkan para pesawah di Kawasan Muda dalam aktiviti tanaman padi supaya pesawah dapat meningkatkan hasil dan pendapatan.

la sejajar dengan matlamat MADA iaitu melebihi hasil untuk keperluan negara dan meningkatkan kesejahteraan sebilangan besar peladang di Kawasan Muda.



# AGRICO QATAR SEDIA MELABUR DALAM SEKTOR PERTANIAN MALAYSIA

30 JANUARI 2023 | PUTRAJAYA

YB Menteri MAFS telah menerima kunjungan daripada Pengerusi Agrico Qatar. Pertemuan antara dua negara kali ini adalah merupakan susulan terhadap cadangan kerjasama antara Agrico Qatar dalam sektor pertanian di Malaysia.

Agrico Qatar melalui anak syarikatnya Agrico Malaysia Sdn. Bhd. bersedia untuk melabur dan menjalinkan kerjasama dalam sektor pertanian dengan Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) terutamanya melalui projek akuakultur, pertanian bersepadu, bekalan baja dan makanan ternakan.



# RUSIA DAN MALAYSIA KOMITED TINGKATKAN KERJASAMA DUA HALA

31 JANUARI 2023 | PUTRAJAYA

Rusia dan Malaysia bersedia untuk memperkukuhkan perdagangan dua hala dalam bidang pertanian selaras dengan keperluan bagi menjamin sumber makanan yang mampan dan berterusan.

Malaysia dan Rusia dijangka memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang pertanian dan perikanan pada tahun ini.

MoU tersebut akan memperkukuhkan lagi hubungan dua hala dan perdagangan dalam bidang pertanian antara kedua-dua buah negara termasuk kerjasama dalam teknologi biji benih, pertanian moden dan pintar, perikanan serta akuakultur.



# LAWATAN KERJA KE IBU PEJABAT JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

10 JANUARI 2023 | PUTRAJAYA

YB Timbalan Menteri MAFS telah membuat lawatan kerja ke Jabatan Perikanan Malaysia pada 10 Januari yang lalu.

Jabatan Perikanan Malaysia merupakan antara entiti utama yang bertanggungjawab memelihara sumber perikanan di Malaysia dan memastikan sektor perikanan Malaysia dapat dibangunkan secara mampan.

Lawatan kerja ini turut membincangkan mengenai isu-isu semasa yang berkaitan perikanan negara dan juga perancangan jangka masa sederhana dan panjang seperti yang digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0), Pelan Strategik Jabatan Perikanan, dan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN).



Lawatan Ke Kilang Beras Mihoda Sdn. Bhd. **KEDAH, 28 JANUARI 2023**



Lawatan hormat YB Timbalan Menteri MAFS ke Pejabat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) **PUTRAJAYA, 3 JANUARI 2023**



Lawatan kerja ke Jabatan Pertanian Malaysia **PUTRAJAYA, 12 JANUARI 2023**



Pelancaran kempen Huat Ah sempena Tahun Baru Cina 2023 oleh Agrobank **SABAH, 18 JANUARI 2023**

# PROGRAM JUALAN TERUS DARI LADANG

25 JANUARI 2023 | SABAH

YB Timbalan Menteri MAFS telah menghadiri Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) yang terletak di Pasar Tani, Asia City pada 25 Januari yang lepas. Sebanyak 50 gerai tempatan telah menyertai dalam program ini.

Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada petani agar produk mereka dapat dijual terus kepada pelanggan dan secara tidak langsung dapat mengurangkan perantaraan dalam rantai bekalan.

Selain itu, program jualan terus dari ladang ini juga dapat mengurangkan kos perbelanjaan rakyat kerana produk dijual dengan harga yang lebih berpatutan.



KSU MAFS mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian PUTRAJAYA, 19 JANUARI 2023



Lawatan kerja KSU MAFS ke Ladang Ternakan Ayam Daging JERAM, 21 JANUARI 2023



Lawatan kerja KSU MAFS ke Projek rancangan Tebatan Banjir di PPK MADA KUALA SUNGAI, 21 JANUARI 2023

# SELAMAT DATANG YBHG. DATUK LOKMAN HAKIM ALI, KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

17 JANUARI 2023 | PUTRAJAYA

YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali telah memulakan tugas beliau secara rasmi sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang baharu pada 17 Januari 2023 yang lalu.

Ketibaan YBhg. Datuk KSU telah disambut oleh Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi.

Majlis dimulakan dengan taklimat secara tertutup bersama Pegawai-Pegawai Kanan MAFS, dan diteruskan dengan kunjungan hormat ke atas YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Seluruh warga kerja MAFS serta jabatan/agensi di bawah MAFS mengucapkan selamat datang kepada YBhg. Datuk KSU.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Haslina Abdul Hamid atas sumbangan jasa bakti selama menerajui dan menjalankan tugas sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan



# MAFS SASAR 30% KEPERLUAN JAGUNG BIJIAN DALAM NEGARA

24 JANUARI 2023 | CHUPING

Bagi menjamin bekalan jagung bijian sentiasa ada di dalam negara walaupun berlaku krisis luar jangka di luar negara, MAFS menyasarkan penghasilan 30% keperluan jagung bijian dalam negara menjelang tahun 2032.

Menurut Ketua Setiausaha MAFS, kerjasama strategik di antara Jabatan Pertanian dan Green World Genetic Sdn Bhd (GWG) dilihat mampu memberi impak positif kepada agenda agromakanan negara di bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0 menjelang 2030.



# LAWATAN KSU MAFS KE PELABUHAN KLANG BARAT

28 JANUARI 2023 | KLANG

YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) telah membuat lawatan kerja ke Pelabuhan Klang Barat.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk meninjau aktiviti dan prosedur pemeriksaan keluaran pertanian oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Prosedur ini dijalankan untuk memastikan keluaran pertanian yang diimport mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.



# LAWATAN KERJA KSU MAFS KE PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN

28 JANUARI 2023 | KUALA LANGAT

YBhg. Datuk KSU MAFS telah membuat lawatan kerja ke Ladang Cili Fertigasi IOT Pewaris Bumi Hijau yang diusahakan oleh Encik Norhashim bin Kamisan, Ladang e-Satellite PPK Kuala Langat dan Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) PPK Kuala Langat.

Selain itu, sesi taklimat turut diberikan oleh Encik Ahmad Firdaus bin Abdul Halim, Pengurus Besar, PPK Kuala Langat berkenaan pengurusan dan operasi PPK Kuala Langat.



# POTENSI INDUSTRI PADI DAN BERAS DI SABAH DAN SARAWAK

30 JANUARI 2023 | MERCU UEM, KUALA LUMPUR



YBhg. Datuk Badrul Hisham Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFS telah menghadiri Majlis Pelancaran Laporan Kajian KRI: The Paddy and Rice Industry of Sabah & Sarawak: Status and Potential pada 31 Januari 2023 di Mercu UEM, Kuala Lumpur.

Kajian ini dijalankan oleh Khazanah Research Institute (KRI) menumpukan kepada sektor penanaman padi tradisional/spesialti di Sabah dan Sarawak yang mempunyai potensi dan daya saing. Objektif kajian ini adalah untuk menilai kepentingan industri padi varieti tradisional di Sabah dan Sarawak.



Kajian ini turut menyokong Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) di bawah strategi "Memanfaatkan Potensi Varieti Beras Istimewa Tempatan".



# TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR) MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARI INDONESIA

26 JANUARI 2023 | PUTRAJAYA



Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBhg. Datuk Azah Hanim Ahmad telah menerima kunjungan hormat daripada Indonesia.

Peremuan ini bertujuan untuk membincangkan persediaan Indonesia sebagai Pengerusi ASEAN untuk tahun 2023 termasuk penyelarasan mesyuarat dan aktiviti di bawah platform kerjasama Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (AMAF).

Indonesia memaklumkan bahawa sekuriti makanan merupakan satu bidang keutamaan Indonesia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini.



Di dalam pertemuan ini juga, kedua-dua pihak bertukar-tukar pendapat berkenaan potensi kerjasama dalam bidang sekuriti makanan di bawah payung ASEAN terutama pada waktu krisis serta idea untuk meningkatkan kecekapan aktiviti kerjasama ASEAN.



## INTIPATI AMANAT YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Tema: Kemampunan Sektor Agromakanan Negara Teras Untuk Mengemudi Cabaran Krisis Global

(MAFI), telah dijenamakan sebagai Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan atau *Ministry of Agriculture and Food Security*

Food and Agriculture Organization of the United Nations

### 4 Dimensi keterjaminan makanan

- Ketersediaan
- Akses
- Penggunaan
- Kestabilan dan kemampunan

## 5 Hala Tuju & Fokus Utama

- 1** Memperkasakan industri akuakultur
- 2** Memperluas penternakan lembu secara fidlot
- 3** Penanaman jagung bijian (grain corn)
- 4** Penglibatan golongan belia dalam sektor agromakanan
- 5** Memperkasakan institut latihan pertanian

YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu

@mafimalaysia | www.mafi.gov.my

## ANTARA PENGELUARAN AGROMAKANA TERTINGGI DI MALAYSIA TAHUN 2022

AMONG THE HIGHEST MALAYSIA'S AGROFOOD PRODUCTION IN 2022

PENGELUARAN: TAN METRIK  
Production: METRIC TONNES

# SELAMAT HAPPY NEW YEAR Tahun Baharu 2023

### BUAH-BUAHAN Fruits

<b>DURIAN</b> Durian 2022: 459,747 2021: 448,272	<b>NANAS</b> Pineapple 2022: 377,300 2021: 375,423
<b>PISANG</b> Banana 2022: 335,207 2021: 330,253	<b>TEMBIKAI</b> Watermelon 2022: 129,433 2021: 127,835

### TERNAKAN Livestock

<b>AYAM PEDAGING</b> Broiler 2022: 1,646,044 2021: 1,583,220
---

### SAYUR-SAYURAN Vegetables

<b>TOMATO</b> Tomato 2022: 201,036 2021: 186,663	<b>SAWI</b> Mustard 2022: 165,548 2021: 153,271
<b>TIMUN</b> Cucumber 2022: 104,379 2021: 96,353	<b>KOBIS BULAT</b> Round Cabbage 2022: 98,124 2021: 91,389

### PERIKANAN Fisheries

<b>IKAN*</b> Fish* 2022: 1,760,321 2021: 1,750,791
---

\*Persekitaran Perikanan Tangkap, Perikanan Darat dan Abakultur

NOTA: \*ANGGARAN

SUMBER:  
1. JABATAN PERTANIAN  
2. JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
3. JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGI KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

## SIDANG REDAKSI:

**PENAUNG:**  
YBHG. DATUK LOKMAN HAKIM ALI  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

**KETUA EDITOR:**  
MOHAMMAD  
EZRI BIN  
SHAMSUDDIN

**EDITOR:**  
SALMAH BINTI  
RAMLI

**PENULIS:**  
NURIL  
MUTMAINNAH  
BINTI ROSLAN

**GRAFIK:**  
NABILLAH  
BINTI  
ZAMRI

**JURU FOTO:**  
MOHD NAJIB  
BIN ABDUL  
JABAR

**IDEA, KONSEP & TERBITAN:**  
UNIT KOMUNIKASI  
KORPORAT, MAFS